

Logiman, pelukis muda menjiwai tiga aliran

UB 31.12.2017 B2



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

KEBANYAKAN seniman sama ada berkecimpung dalam seni visual mahupun dalam disiplin seni yang lain biasanya berminat dalam beberapa disiplin yang lain.

Sebagai contoh terdapat beberapa orang pelukis muda tempatan terutamanya di negeri Sabah yang menguasai beberapa kesenian yang lain umpamanya Halim Batak, Daiman Bona, Puad Bibet, Nandra Hitung dan tidak ketinggalan seorang pelukis muda yang sangat prolific Logiman Gamad.

Seperti halnya dengan sahabat yang lain di dalam

Persatuan Seni Visual Sabah, Logiman juga adalah seorang jurufoto yang sudah lama berkecimpung dalam bidang seni visual dan juga seni kartun. Sebagai seorang berjawatan juru fotografi dan komunikasi berpengalaman, beliau banyak menangkap imej yang berkaitan berita, kejadian serta acara yang berlaku di negeri Sabah.

Sebelum menjadi juru fotografi di Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah, beliau adalah seorang anggota tentera berkhidmat dalam pasukan meriam Angkatan Tentera Malaysia. Bakat seni lukis beliau berputik ketika di dalam pasukan tentera apabila berkawan dengan seorang anggota tentera yang sangat berbakat dalam seni lukisan kartun Lans Koperal Azmi Mohd Don.

Bersama Azmi, Logiman telah mula membuka mata dan mengorak langkah secara perlahan tetapi berkeyakinan ke dalam dunia seni visual kerana dengan saudara Azmi beliau telah beramah mesra dan berkawan dengan ramai kartunis kontemporari seperti Allahyarham Rejab Had, seorang tokoh kartun terkenal di Malaysia, Zunar seorang legend dalam seni kartun tanah air dan seorang pengusaha syarikat kartun dan pelukis *realist* tersohor negara saudara Jaafar Taib.

KARYA awal Logiman catan air.



Melalui tokoh-tokoh ini Logiman mendapat semangat dan galakan yang sangat kuat sehingga beliau mencari guru melukis selepas berhenti dari pasukan tentera Malaysia. Guru yang memimpin beliau semasa di Sabah adalah pelukis 'Pok' Zulkefli, Muslim Matajin dan ramai lagi sahabat dari Persatuan Pelukis Sabah umpamanya Christinne Goonting, Halim Batak dan juga Daiman Bona.

Lahir di pekan Tamparuli, Sabah empat puluh lapan tahun lalu dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Tamparuli. Pada mulanya semasa di sekolah rendah beliau tidak minat dalam seni lukis kerana tiada galakan dan tunjuk ajar yang baik dari guru seninya. Namun melalui kawan yang minat seni maka beliau berjinak secara santai terutama semasa berkhidmat di dalam angkatan tentera.

Beliau bermula melukis dengan mencuba lukisan pensel dan catan air seterusnya menerokai media lebih mencabar seperti catan akrilik dan minyak. Walaubagaimanapun hal benda yang diutarakan oleh beliau dalam karya lukisan kerana sebelum beliau menceburkan diri dalam bidang lukisan beliau sudah terkenal dalam kartun pojok yang diterbitkan dalam akhbar tempatan.

Oleh itu terdapat karya beliau menampilkan budaya tradisi masyarakat etnik seperti kaum Rungus, Dusun, Bajau dan sebagainya yang terdapat di negeri Sabah.

Saudara Logiman juga sangat arif dalam bidang fotografi. Beliau sangat prihatin terhadap isu tempatan yang berkaitan dengan masyarakat negeri Sabah. Karya pertama beliau setelah mendapat ilham dari lawatan di Studio Creative Enterprise yang diusahakan oleh Jaafar Taib, beliau telah menghasilkan sebuah karya catan air tarian Rungus di

Kudat.

Pada percubaan pertamanya karya tersebut dibuat dengan media cat air tetapi selepas mendapat galakan dari sahabat pelukis, beliau lebih berkeyakinan dan menghasilkan karya yang sama dengan catan akrilik.


Keyakinan beliau bertambah hari demi hari dengan menghasilkan beberapa percubaan terutamanya setelah menangkap imej atau hal benda di lapangan maka biasanya beliau terus melakarkan gambar tersebut dari foto dan melukis sekembalinya ke rumah.

Persahabatan Logiman dengan tokoh pelukis *realist* tanah air Jaafar Taib lebih akrab seterusnya adalah melalui ekspedisi yang dilakukan mereka ke pedalaman negeri Sabah selama satu bulan bagi mencari gambar burung dan mergastua di negeri ini.

Oleh kerana kepakaran beliau dalam seni foto serta berpengalaman di kawasan pedalaman beliau telah dilantik sebagai pembantu khas kepada pelukis tersohor tanah air tersebut. Ekspedisi tersebut berjalan selama satu bulan dan hasil dari penerokaan tersebut beliau telah mempelajari banyak petua serta teknik bukan sahaja fotografi malah seni lukis juga dari Jaafar Taib.

Hasil dari perkongsian tersebut, Logiman telah menghasilkan beberapa buah lukisan yang berkaitan alam semulajadi umpamanya kehidupan liar negeri Sabah dengan begitu baik sekali.

Percubaan awal karya catan air beliau bertajuk 'Penari Rungus' agak istimewa pelukis berjaya mempamerkan keterampilan teknik basahan warna atau *Wash* yang bersahaja. Halbenda yang diutarakan beliau dalam lukisan tersebut adalah persembahan satu kumpulan penari dari masyarakat kaum



Rungus dengan berpakaian kostum yang lengkap.

Karya yang menekankan kepada susunan linear berfokus kepada unsur perspektif yang kemas melegakan mata khalayak menghayati karya tersebut. Ia menggambarkan kumpulan penari yang merayakan hari menuai padi di hadapan rumah panjang tradisional Rungus yang masih banyak terdapat di daerah pedalaman di Kampung Madian, Kota Marudu atau di daerah Kudat negeri Sabah.

Tarian sangat menarik kerana pelukisnya berjaya menggambarkan pergerakan penari dengan teliti dalam aksi berbagai pergerakan tarian mewujudkan lagi ketangkasan gerakan (*Movement*) lembut dan gemalai penari wanita seolah-olah khalayak kedengaran muzik etnik gemпита dengan paluan gong meriuhkan lagi suasana.

Penggunaan warna yang bijak oleh Logiman berjaya memantapkan lagi gubahan karya tersebut dengan kepandaian menyapu warna terang di atas bentuk berwarna gelap dan sapuan warna tersebut melonjakkan warna ferang seperti ochre, kuning dan merah sangat

serasi dengan latar belakang pakaian hitam pekat.

Di samping itu, hasil dari pendedahan beliau melalui kawan yang berminat dalam bidang kartun maka beliau tertarik melukis kartun yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat awam. Beliau sentiasa mencari isu yang berkaitan dengan masalah rakyat yang dikumpulkan melalui pembacaan mahupun dari media elektronik.

Beberapa buah kartun beliau diterbitkan di dalam beberapa buah akhbar tempatan. Sebagai seorang jurufoto berkelayakan beliau merasakan sangat membantu dalam menterjemahkan karya foto ke atas kanvas kerana bukan sahaja beliau mendapat informasi yang jelas dari penerangan gambar bahkan beliau boleh mengambil masa yang sesuai untuk melukiskan karyanya apabila pulang ke studionya.

Beliau tidak meniru secara terus dari rakaman foto beliau bahkan biasanya banyak unsur dalam sebuah gambar yang diubah bagi mewujudkan kesan dramatik dalam karya lukisan beliau. Terutamanya, sudut pandang, bentuk, rupa, serta warna

bagi menyesuaikan komposisi dalam karya beliau.

Berkat tekun dan usaha yang tidak mengenal lelah, beliau akhirnya memenangi beberapa pertandingan lukisan serta anugerah pertandingan fotografi di dalam negeri umpamanya beberapa kali memenangi pertandingan lukisan (KPTNS) Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah anjuran Balai Seni Lukis Sabah.

Walaupun sebagai pendatang baru dalam seni visual tempatan dan juga pelapis kepada pelukis tempatan namun kekuatan karya beliau sangat menggalakkan dan khalayak berkeyakinan bahawa pelukis muda seperti Logiman Gamad dan ramai lagi yang akan muncul akan menjamin kesinambungan karya yang bermutu dan mengangkat keindahan tempatan.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).